

# **RAHSIA MENGHAFAK 3 SURAH AMALAN**

PERSEDIAAN SEBELUM MULA MENGHAFAK

**SURAH AL-MULK**

**SURAH AL-WAQI'AH**

**SURAH AL-KAHFI**

## **3 SEBAB UTAMA KENAPA KENA HAFAL AL-QURAN**



3 sebab utama kenapa kita kena hafal al-Quran tak kira banyak atau sedikit :

1 - Menghafal al-Quran adalah **fardhu kifayah**.

Sesetengah ulama menegaskan bahawa menghafal al-Quran adalah kewajipan atas umat ini. Iaitu apabila beberapa orang telah melakukannya (menghafal), maka orang lain akan bebas dari dosa mereka.

2 - Menghafal al-Quran di antara sebab-sebab pembebasan seseorang dari azab neraka.

Rasulullah saw bersabda: *"Jika al-Quran ini diletakkan di tengah-tengah seorang mukmin, kemudian dilemparkan ke dalam neraka, nescaya tidak akan membakar hatinya."*

(HR. Ahmad)

3 - Dapat pengharagaan khusus dari Allah

*"Sesungguhnya Allah mempunyai keluarga di antara manusia", para sahabat bertanya, "Siapakah mereka ya Rasulullah?" Rasul menjawab, "Para ahli al-Quran. Merekalah keluarga Allah dan pilihan-pilihan-Nya."*

(HR. Ahmad)

## **2 SYARAT WAJIB SEBELUM MULA**

### **MENGHAFAL AL-QURAN**

**1. MINDSET DAN NIAT.** Kita selalu cakap kita tak boleh, selalu tak yakin.

Mulai harini tukar. Cakap dan beritahu diri sendiri ,

“Saya boleh lakukan!”

“Saya mahu menghafal!”

“Saya boleh korbankan masa sedikit untuk Quran!”

“Saya hafal Quran ini kerana Allah dan ingin menjadi ahli quran..”

Ingat semua yang kita fikir, cakap, taip, komen, bebel itu adalah DOA. Niat pula mesti kerana Allah, untuk mendapat keredhoannya.

**2. Pastikan anda kuasai ILMU TAJWID dan paling penting BACA DENGAN BERTAJWID.** Jangan menghafal kalau anda belum boleh baca Quran dengan tajwid yang betul dan tepat, kerana ini sangat penting dan akan effect pada hafalan anda kelak.

# TIPS HAFAL AL-QURAN UNTUK GOLONGAN

## DEWASA

Golongan dewasa biasanya terdiri daripada golongan yang sibuk bekerja siang dan malam untuk mencari rezeki. Namun mesti ada perasaan dan minat untuk menghafaz Al-Quran dan ingin menjadi sahabat rapat dengan Al-Quran.

Jika kita tak mampu menghafaz senaskah Al-Quran 30 juzuk, paling tidak 1 juzuk mungkin boleh dicapai dengan MENGAMALKAN tips ini.



=====

## **12 TIPS HAFAL AL-QURAN**

=====

### **1. DAPATKAN BANTUAN ALLAH SWT**

Dapatkan bantuan Allah SWT bila ingin mula menghafal. Caranya adalah dengan sentiasa memanjat Doa. Hal ini kerana menghafal Al-Quran terlalu banyak cabaran dan dugaan yang akan datang yang mungkin boleh menghilangkan semangat dan motivasi kita. Jadi kepadaNya kita berdoa dikuatkan semangat.

### **2. GUNAKAN WAKTU PAGI SEBAIK MUNGKIN**

Guna waktu pagi kita sebaik mungkin, terutamanya jika kita sibuk. Mula buka Al-Quran untuk menghafal seawal mungkin. Kalau boleh selepas solat subuh terus buka, ataupun yang terbaik adalah waktu sebelum subuh. Target sehari dalam 3-5 baris sahaja. Untuk permulaan. Kalau mula lepas tengahari atau petang, agak susah sedikit nak masuk hafalan itu. Ini berdasarkan pengalaman saya.

SUGGESTION : HAFAL SELEPAS SOLAT SUBUH.

### **3. CARI GURU ATAU PENDENGAR UNTUK SEMAK HAFALAN**

Cari beberapa pendengar. Kalau tak tahu siapa sangat mungkin boleh minta suami atau isteri kita untuk semak hafalan. Ala 3-5 baris, kejam je. Boleh juga minta anak, ataupun sesiapa yang terdekat.

Pastikan orang yang semak adalah orang yang mahir dalam Al-Quran terutama Tajwidnya. Cuba cari pendengar sekurang-kurangnya 3 orang. Supaya jika salah seorang tak boleh, mungkin dua orang lagi boleh mendengar dan semak hafalan kita. Nak cara lagi senang, rakam hafalan anda di telefon, kemudian dengar kembali dan semak sendiri.

#### **4. MENGHAFAL DAN MEMBACA SETIAP HARI**

Menghafal dan membaca hari-hari dengan konsisten. Tiada hari cuti. Tiada. Walaupun kita hanya hafal 3-5 baris sahaja bukan 1 mukasurat. Tujuannya untuk membiasakan dan lama kelamaan akan meningkat ke 6 baris 7 baris sehingga sampai 1 mukasurat. Otak kita akan makin laju dan mudah untuk menghafal jika kita konsisten setiap hari walaupun pada awalnya sedikit.

#### **5. TARGET BANYAK LEBIH MUDAH!**

Target banyak adalah lebih mudah! Sebenarnya kita letak target lebih banyak dan tinggi adalah lebih mudah. Contoh kita target 3 mukasurat harini, confirm satu mukasurat dalam gengaman. So target hafal kena tinggi dan banyak, supaya otak kita berada dalam mood hafalan yang menjadikan ianya lebih mudah. Kalau target 1 mukasurat harini, insyaallah confirm 3-5 baris dalam gengaman.



## **6. JANGAN BERITAHU RAMAI ORANG**

Jangan beritahu kita sedang usaha menghafal pada orang ramai pada peringkat awal. Sebabnya ia akan memberi tekanan bila mereka sering bertanya di mana peringkat dan banyak mana kita hafal sekarang, bila begitu secara tak langung kita akan dapat tekanan. Tapi beritahulah orang yang terdekat sahaja sebagai sumber motivasi dan biasanya orang yang terdekat akan support kita.

## **7. BEBASKAN PERASAAN DARI KEBIMBANGAN**

Al-Quran tak dapat dan susah dihafal bila dalam keadaan huru hara. Jadi sebelum kita bermula, kena ada senarai what to do today atau senarai tugas harian. Plan awal-awal. Lakukan perkara penting terlebih dahulu, setelkan semua dan bebaskan diri dari kebimbangan. Sebab kalau masa kita hafal ada benda penting yang belum setel dan membimbangkan diri kita, syaitan mula akan bisik supaya berhenti menghafal dan automatik akan mengganggu fokus kita.

Menghafal ibarat kita memandu kenderaan, memandu kena fokus kalau tidak akan berlaku kemalangan. Begitu juga

menghafal, jika tak fokus akan mengakibatkan kemalangan (tak dapat hafal).

## **8. GUNAKAN SATU MUSHAF AL-QURAN SAHAJA**

Setia hanya pada satu mushaf Al-Quran sahaja. Jangan bertukar-tukar. Bawa kemana-mana bila ingin menghafal. Gunakan pensil untuk menandakan perkataan dan menggariskan ayat yang kita suka ataupun yang selalu salah semasa menghafal. Tandakan supaya kita berhati-hati pada tempat yang salah itu. Ini membuatkan kita lebih teruja untuk menghafal selepas ini dan setia pada yang satu (untuk menghafal).

Cuba dapatkan Quran yang bersaiz normal. Jangan terlampau kecil sebab akan menyusahkan kita untuk menghafal. Dan jangan juga terlalu besar sehingga susah nak pegang dan dibawa ke mana-mana. Elakkan guna 'Quran Elektronik' macam di dalam handphone, bagi saya tidak sesuai sebab pening mengadap lama-lama dan lagi pula tak dapat nak catit dan tanda mana-mana tempat yang salah.

## **9. SILENT KAN TELEFON SEMASA MENGHAFAL**

Jangan biarkan bunyi 'notifications' dalam phone mengganggu fokus kita semasa menghafal. Silent kan.

## **10. DAPATKAN PASANGAN**

Dapatkan pasangan atau kumpulan! Ini dapat dijadikan satu cabaran dan persaingan yang sihat. Ianya mampu membuatkan kita kekal bermotivasi kerana suasana menghafal itu ada dan ianya sangat penting. Bila salah seorang lemah semangat, pasangannya akan memberi motivasi dan begitulah sebaliknya. Saya syorkan kalau lelaki pasangankan dengan isteri. Isteri pasangankan dengan suami. Hafal sama-sama dan letak target untuk dicapai bersama. Inshaa Allah rumahtangga akan lebih bahagia bila suasana Al-Quran dihidupkan di dalam rumah.

## **11. TETAPKAN MATLAMAT**

Tetapkan matlamat masa. Untuk saya, saya selalu mempunyai matlamat dengan hanya memperuntukkan maksimum setengah jam untuk setiap halaman yang hendak dihafal. Jika masa lebih dari itu, ianya bermakna saya telah melakukan sesuatu yang 'salah' atau hilang tumpuan semasa menghafal. Tetapkan target dengan masa. Contoh aku nak hafal 5 baris dalam masa lepas solat maghrib sampai masuk isya' je. Ini akan membantu anda untuk terus kekal fokus mencapai apa yang ditarget.

## **12. BACA SEHINGGA LANCAR SEBELUM MULA MENGHAFAL**

Baca ayat yang hendak dihafal sebanyak kali yang mungkin sehingga lancar di bibir dan tiada satu kesalahan pun semasa proses membaca. Bila sudah lancar maka bila masuk kepada proses menghafal ianya akan jadi lebih mudah!

## **4 KUNCI UTAMA UNTUK MUDAH HAFAL AL-QURAN**

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ

*“ Dan sesungguhnya telah Kami mudahkan Al Qur’an untuk pelajaran, maka adakah orang yang mengambil pelajaran?” ( QS al Qomar, 54: 17, 22, 32, 40 )*

**1. Cinta, rindu dan keinginan yang menyala-nyala.**

**2. Ikhlas, tawakal dan berdoa.**

**3. Jangan banyak alasan.**

**4. Yakin pada diri dan berfikiran positif.**

4 perkara inilah yang selalu diabaikan semasa di dalam proses menghafal. Ianya sangat penting dan merupakan kunci utama. Pegang kuat 4 kunci ini inshaa Allah kita akan mudah untuk menghafal.

## **WAKTU YANG SESUAI UNTUK MENGHAFAL**

Waktu yang sesuai untuk menghafal ialah pada waktu SELEPAS Solat Maghrib sehingga masuk waktu Isya'.

Lebih kurang ada satu jam untuk menghafal.

Step-step :

**STEP 1** – Hafal selepas solat maghrib, jangan bangun, terus capai al-Quran. Pastikan tempat sunyi tanpa gangguan.



**STEP 2** – Hafal 5 Baris itu dengan satu persatu.




Hafal ayat satu dahulu, lepas ayat satu dah ingat, sambung dengan hafal ayat dua. Dah ingat ayat dua, kemudian sambungkan ayat 1 dengan ayat 2 sekaligus.

Kemudian lagi, sambung hafal ayat ketiga pula, dah ingat ayat ketiga, ulang balik dan cuba sambung ayat ke dua dengan ketiga pula. Ayat pertama biarkan dahulu. Begitulah seterusnya.

**STEP 3** – Hafal sehingga baris ke lima. Kemudian tutup al-Quran.



**STEP 4** – Confirm anda akan lupa kembali selepas tutup itu. Itu normal, tak mengapa, **JANGAN STRESS**. Sebenarnya, ayat itu sudah ada dalam ingatan anda, Cuma belum betul-betul kemas sahaja.





**STEP 5** – Esoknya bangun subuh, ulang kembali dan mantapkan hafalan semalam sehingga betul-betul ingat. Biasanya akan mudah sebab semalam kita dah hafal sekali lalu.



*“Selepas solat Subuh dan Maghrib masing-masing diwajibkan membaca al-Quran setiap hari. Pada waktu ini tiada agenda lain boleh dilakukan oleh ahli keluarga di dalam rumah.”*

Ini rahsia dan teknik yang saya amalkan secara konsisten sehingga khatam 30 juz. Waktu menghafal juga memainkan peranan yang penting dalam tempoh kita menghafal.

**KESIMPULAN** : Hafal waktu lepas solat maghrib sehingga masuk waktu isya' (sejam). Kemudian esoknya sebelum atau selepas subuh, lancarkan kembali dan selepas sudah lancar, hantar hafalan pada guru atau pasangan.